SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 3 Bab 8 Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 9 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >


nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 8:KEBIJAKSANAAN RAJA DAN PEMBESAR MELAYU MENANGANI CABARAN BARAT

BAHAGIAN A

1. Rajah berikut berkaitan dengan sistem kerajaan berpelembagaan di Terengganu.



Siapakah tokoh X berikut _____

A Sultan Ibrahim

B Sultan Muhammad II

C Sultan Zainal Abidin III

D Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah

2. Gambar berikut merupakan tokoh yang terlibat dalam pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah?



Haji Mohammad Arshad

Apakah peranan tokoh tersebut kepada masyarakat tempatan ?

A Pegawai daerah

B Mengetuai Jabatan

C Mengusahakan pembalakan

D Hakim di Mahkamah Anak Negeri

3. Logo berikut digunakan oleh pasukan Rejimen Askar Melayu.



Sejauhmanakah semangat dapat dizahirkan melalui logo tersebut?

I Kedaulatan undang-undang

II Memupuk sikap bersatu padu

III Menegakkan kesucian agama Islam

IV Keberanian mempertahankan raja dan negara

A I dan II
B I dan IV
C I dan III
D III dan IV

4. Antara berikut, perjanjian manakah yang tidak diterima oleh sultan di Negeri-negeri Melayu Utara?

A Persetiaan British dengan Sultan Kedah 1791

B Perjanjian Bangkok 1909

C Perjanjian British- Johor 1914

D Perjanjian British-Kedah 1923

5. Mengapakah pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara tidak mahu menerima penasihat British selepas perjanjian Bangkok 1909?

A Kedudukan politik raja dan pembesar terancam

B Berusaha mempertahankan hak dan identiti negeri

C British mengambil alih peranan pemerintah di negeri masing masing

D British memberi layanan buruk kepada pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara

6. Apakah tujuan kerajaan Johor dan Terengganu menggubal Undang-Undang Tubuh ?

A Memudahkan pentadbiran negeri

B Memperkenalkan Birokrasi Barat

C Memperkukuh kuasa pemerintahan negeri

D Memperkenalkan sistem pentadbiran secara demokrasi

7. Jadual berikut merupakan inisiatif Sultan yang telah memperkenalkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri masing-masing.

Perlembagaan bertulis Negeri Johor dan Terengganu
Undang -Undang Tubuh Negeri

Apakah iktibar yang dapat diambil daripada perlaksanaan Undang-undang tersebut?

A Berwaspada terhadap anasir luar

B Bijak dalam membuat keputusan

C Sentiasa berusaha memajukan negara

D Bekerjasama menegakkan undang-undang

8. Apakah sumbangan Wan Muhammad Saman sebagai Perdana Menteri Kedah yang pertama?

A Membangunkan bidang pertanian

B Memodenkan sistem pengangkutan

C Meningkat aktiviti perlombongan

D Menggubal undang-undang tubuh negeri

9. Gelaran berikut diberikan kepada tokoh pemodenan negeri Johor

- Digelar Dato' Bentara Dalam
- Digelar Bapa Pendidikan Melayu Johor

Siapakah pembesar berwibawa tersebut?

A Dato' Jaafar bin Muhammad

B Dato' Abdul Rahman bin Andak

C Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi

D Dato' Muhammad Salleh bin Perang

10. Tengku Menteri Ngah Ibrahim mempelajari sistem pentadbiran daripada Sultan Johor bagi memajukan daerah Larut.

Mengapakah usaha beliau terhenti?

A Pembangunan tergendala akibat campurtangan British

B Beliau dipaksa oleh British untuk bersara awal

C Beliau dijatuhkan hukuman mati

D Beliau dibuang negeri

11. Persidangan Raja- raja Melayu dikenali sebagai Durbar merupakah wadah pertemuan antara Raja-raja Melayu dengan British.

Apakah peranan Raja-raja Melayu dalam Durbar?

I . Menyelesaikan pertikaian

II Berperanan sebagai jurubicara

III Melindungi kepentingan bangsa

IV Penggubal undang-undang kerajaan negeri

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

12. Apakah nilai yang dicontohi dari usaha pembesar negeri memajukan negeri-negeri Melayu?

A Berkorban

B Bijaksana

C Taat setia

D Berani

13. Apakah persamaan di antara Raja Chulan, Raja Di Hilir Perak dengan Dato' Abdullah Haji Dahan, Undang Luak Rembau?

A Merupakan Ahli Majlis Persekutuan

B Menjawat jawatan Syeikhul Islam

C Merupakan tokoh pejuang kemerdekaan

D Merupakan pembesar negeri yang dibersarakan awal oleh British

14. Siapakah tokoh yang telah menjadikan Kedah sebagai negeri Jelapang Padi di negara kita.

A Tengku Menteri Ngah Ibrahim

B Wan Muhamad Saman

C Tengku Muhammad

D Long Jaafar

CADANGAN JAWAPAN

1.	C	11.	C
2.	D	12.	B
3.	D	13.	A
4.	B	14.	B
5.	A		
6.	C		
7.	A		
8.	A		
9.	C		
10.	D		

BAB 8 : KEBIJAKSANAAN RAJA DAN PEMBESAR MELAYU MENANGANI CABARAN BARAT

TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :**8 Tindak balas Masyarakat Tempatan	**SK :** 8.2 Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu menangani cabaran barat	**SP: 8.2.2** Menghuraikan tindakan raja Melayu dalam menangani cabaran Barat.

1 Perjanjian Bangkok 1909 telah membawa campur tangan British di Negeri-negeri Melayu Utara. Kedudukan politik yang terancam memberi kesedaran kepada pemerintah untuk mempertahankan hak dan identiti dengan enggan menerima kehadiran penasihat British.

(Buku teks m.s206)

(a) Senaraikan dua Penasihat British di Negeri-negeri Melayu Utara?

(i) …….

(ii) …….

(2 *markah*)

(b) Bagaimanakah kerajaan Kedah mengekalkan identiti sebagai negeri Melayu walaupun secara rasmi telah menjadi naungan British?

……..

……..

……..

……..

(4 *markah*)

(*c*) Usaha raja-raja Melayu menangani cabaran perluasan kuasa barat telah berjaya mempertahankan kedudukan institusi raja sebagai pelindung bangsa hingga hari ini. Sebagai rakyat Malaysia, buktikan kesetiaan anda kepada institusi beraja.

……..

……..

……..

……..

……..

(4 *markah*)

Panduan penskoran – Struktur

No. Soalan	Jawapan	Markah
	BAHAGIAN B (STRUKTUR)	
1 (a)	Senaraikan 2 Penasihat British di Negeri-negeri Melayu Utara?	**1**
	F1 Meadow Frost (Perlis)	**1**
	F2 W.G Maxwell (Kedah)	**1**
	F3 J.S Mason (Kelantan)	**1**
	F4 J.L Humphreys (Terengganu)	**(2 Markah)**
	Maks	
1 (b)	Bagaimanakah kerajaan Kedah mengekalkan identiti sebagai negeri Melayu walaupun secara rasmi telah menjadi naungan British?	**1**
		1
	F1 Penggunaan Bahasa Melayu dalam pentadbiran dan perundangan	**1**
	F2 Penggunaan Kalendar Hijrah	**1**
	F3 Cuti umum pada hari Jumaat	**1**
	F4 Keutamaan melantik pegawai Melayu dalam pentadbiran	**1**
	Maks	**(4 Markah)**
1 (c)	Usaha raja-raja Melayu menangani cabaran perluasan kuasa barat telah berjaya mempertahankan kedudukan institusi raja sebagai pelindung bangsa hingga hari ini. Sebagai rakyat Malaysia, buktikan kesetiaan anda kepada institusi beraja.	**1**
	F1 Taat setia kepada Raja	**1**
	F2 Tidak menghina institusi beraja	**1**
	F3 Menjaga nama baik negara	**1**
	F4 Mematuhi undang-undang	**1**
	F5 menyumbang masa dan tenaga untuk pembangunan masyarakat dan negara	**1**
	F6 Berjiwa patriotik	**1**
	F7 Menghormati pentadbiran negara	**1**
	F8 menyambut ketibaan raja/pemimpin dengan meriah	
	(Mana-mana munasabah)	**(4 Markah)**
	Maks	**10 Markah**
	Jumlah	

BAB 8 : KEBIJAKSANAAN RAJA DAN PEMBESAR MELAYU MENANGANI CABARAN BARAT

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Tindak Balas Masyarakat Tempatan	**SK : 8.2 -** Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat	**SP:** 8.2.1

1. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Perjanjian Bangkok. *(m.s200-202)*

> Kesungguhan British untuk meluaskan kuasa ke atas Negeri-negeri Melayu Utara berhasil melalui Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909 tanpa mengambil kira soal kebudayaan, geografi, etnik dan agama penduduk tempatan. British dan Siam telah membahagikan sempadan berdasarkan Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok.

(a) Jelaskan perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh British dan Siam dalam Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909. (6 Markah)

(b) Bagaimanakah reaksi pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara terhadap Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909 (6 Markah)

(c) Seorang pemerintah perlu bijaksana dalam mengurus pentadbiran sesebuah negeri atau negara.
Apakah tindakan yang perlu diambil untuk melahirkan pemimpin yang bijaksana ? Huraikan**.** (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
TEMA : Kedatangan Kuasa Asing	**TAJUK :** Tindak Balas Masyarakat Tempatan	**SK : 8.2 -** Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat	**SP:** 8.2.2,8.2.3

2 Maklumat berikut berkaitan proses pembangunan dan pemodenan para pembesar negeri-negeri Melayu kepada Negara. *(m.s. 210-213)*

- Long Jaafar
- Wan Muhammad Saman
- Dato' Muhammad Salleh bin Perang

(a) Bincangkan proses pembangunan dan pemodenan para pembesar tersebut. (6 Markah)

(b) Jelaskan kesan sumbangan para pembesar tersebut terhadap kemajuan Negara (6 Markah)

(c) Sekiranya anda dilantik sebagai pembesar, apakah usaha-usaha yang akan anda lakukan untuk memajukan Negara ? (8 Markah)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 9 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar